

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT  
[ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [ LUBOK ANTU ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah atau tindakan yang diambil bagi memperkasakan ekonomi pekebun-pekebun kecil Kelapa Sawit di Parlimen P.203 Lubok Antu, Sarawak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Antara usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan bagi memperkasakan pekebun kecil sawit di Malaysia termasuk pekebun kecil di Parlimen Lubok Antu, Sarawak adalah seperti berikut:

i. Bagi meringankan kos yang ditanggung oleh pekebun kecil, Kerajaan bersetuju menanggung sepenuhnya kos yang terlibat termasuk yuran audit persijilan, set pakaian keselamatan, rak penyimpanan racun, fi pertukaran syarat tanah dan kos latihan berkaitan dengan pensijilan MSPO. Pensijilan MSPO merupakan satu usaha Kerajaan untuk menjenamakan minyak sawit Malaysia yang berkualiti dan dihasilkan mengikut kaedah mampan. Pensijilan MSPO dapat meningkatkan dan memperluaskan pasaran minyak sawit di dalam dan luar negara. Ini akan memberi kesan secara tidak langsung kepada pekebun kecil untuk meningkatkan hasil dan pendapatan mereka;

ii. Bagi mengalakkan pekebun kecil melaksanakan penanaman semula sawit untuk menggantikan pokok sawit yang telah tua atau tidak produktif, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Pembiayaan Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) dan Skim Pembiayaan Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) yang melibatkan jumlah peruntukan RM550 juta;

iii. Bagi mengurangkan pergantungan sepenuhnya kepada hasil sawit serta memberikan pendapatan tambahan kepada pekebun kecil, Kerajaan telah melaksanakan Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe). Pekebun kecil yang layak akan menerima ternakan seperti lembu atau kambing, mesin perincih, ubat-ubatan asas dan latihan amalan baik pengendalian ternakan. Kementerian bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) juga sedang melaksanakan Skim Bantuan Tanaman Kontan untuk golongan B40 (TKB40). Tanaman kontan yang terlibat adalah tanaman yang bernilai tinggi dan mudah dipasarkan iaitu pisang dan

## SOALAN NO : 26

nanas. Kedua-dua skim ini dilihat sebagai alternatif bagi memberi peluang kepada pekebun kecil bagi meningkatkan sumber pendapatan sedia ada mereka selain sawit.

iv. Bagi menggalakkan pekebun kecil menyertai aktiviti berteraskan perniagaan, mereka digalakkan untuk menyertai Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). Kerajaan memberikan insentif sebanyak RM200,000 bagi sebuah KPSM untuk menubuhkan pusat timbang bagi memudahkan urusan jualan hasil Buah Tandan Segar (BTS) ahli-ahlinya secara berkelompok secara terus ke kilang. Kementerian Kewangan juga telah meluluskan kenaikan had Skim Pinjaman Mudah Modal Pusingan dari RM100,000 kepada RM200,000. Ini adalah bertujuan untuk meningkatkan keupayaan KPSM dalam urusan jual beli BTS. Kerajaan berharap akan lebih ramai para pekebun kecil sawit untuk menyertai KPSM yang telah ditubuhkan; dan

v. Bagi meningkatkan pengetahuan, pekebun kecil sawit juga diberi khidmat nasihat serta tujuk ajar terutama dalam Amalan Pertanian Baik (APB) oleh Pegawai TUNAS. Amalan pertanian seperti kaedah pembajaan, penggunaan anak sawit berkualiti, penuaian berkesan, pengurusan perosak dan kesedaran merekod aktiviti pengurusan sawit telah diterapkan bagi memastikan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil meningkat.

Sekian, terima kasih.